



PEJABAT KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
Office of Director-General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8
Level 8, Block E8,
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
Government Complex Parcel E,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA

Tel : 03-8884 6077
Fax : 03-8889 4548
Laman web: <http://www.moe.gov.my>

KP(BS-DSR)8787/002/1/Jld.3(3)
7 Januari 2008

Semua Pengarah Pelajaran Negeri

Y.Bhg. Datin/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 2/2008: PERTUKARAN STATUS MATA PELAJARAN ENGLISH FOR SCIENCE AND TECHNOLOGY (EST)

Kementerian Pelajaran Malaysia telah memutuskan bahawa status mata pelajaran **English For Science And Technology** (EST) ditukar dari mata pelajaran **Elektif Yang Wajib** kepada mata pelajaran **Elektif** sahaja.

2. Sehubungan dengan ini Jawatankuasa Kurikulum Pusat telah membuat beberapa ketetapan berikut mengenai pelaksanaan mata pelajaran tersebut di sekolah-sekolah menengah bermula dari Tingkatan Empat tahun 2008.

- 2.1 Pihak sekolah diberi pilihan untuk menawarkan mata pelajaran *English For Science And Technology* (EST);
- 2.2 Sekiranya mata pelajaran ini ditawarkan sebagaimana Elektif, murid wajib menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM); dan
- 2.3 Jika ada murid yang berminat mengambil mata pelajaran ini sebagai mata pelajaran Elektif, pihak sekolah hendaklah mengadakan guru dan peruntukan waktu seperti mana yang telah ditetapkan dalam Surat Pekeliling Ikhtisas yang terdahulu.

3. Surat Pekeliling Ikhtisas ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan

- 3.1 **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.7/2002: Pelaksanaan Mata Pelajaran *English For Science And Technology* (EST)** bertarikh 1 Oktober 2002 dan
- 3.2 **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.6/2005: Pengajaran dan Pembelajaran Mata Pelajaran *English For Science And Technology* (EST) di Tingkatan 4 dan Tingkatan 5** bertarikh 21 Oktober 2005.

4. Kerjasama Y.Bhg. Datin/Tuan/Puan adalah dipohon untuk memaklumkan kandungan surat pekeliling ikhtisas ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Gabungan/Daerah, Pengetua-Pengetua dan Guru-Guru Besar di bawah pentadbiran Y.Bhg. Datin/Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

DATO' HAJI ALIMUDDIN BIN HAJI MOHD. DOM
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pelajaran Malaysia

s.k.

1. Y.B. Dato' Seri Hishammuddin Tun Husein
Menteri Pelajaran Malaysia
2. Y.B. Dato' Hon Choon Kim
Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia
3. Y.B. Dato' Hj. Noh bin Omar
Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia
4. Y.B. Datin Paduka Komala Devi
Setiausaha Parlimen, Kementerian Pelajaran Malaysia
5. Ketua Setiausaha, Kementerian Pelajaran Malaysia
6. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha,
Kementerian Pelajaran Malaysia
7. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia,
Kementerian Pelajaran Malaysia
8. Ketua-Ketua Bahagian, Kementerian Pelajaran Malaysia
9. Ketua Jemaah Nazir Sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia.
10. Penasihat Undang-Undang Kementerian Pelajaran Malaysia
11. Pegawai Perhubungan Awam, Kementerian Pelajaran Malaysia